



LAPORAN LIPUTAN MEDIA ISNIN / 16 APRIL 2018

- 1. LPKNM PACU KOMODITI KELAPA, NANAS**
- 2. TANAMAN KELAPA MAMPU BERI PULANGAN LUMAYAN**
- 3. NELAYAN DARAT BERPOTENSI TINGKATKAN SUMBER
PENDAPATAN**
 - **KOSMO**
- 4. BUKTI KERAJAAN PERIHATIN**
 - **SINAR HARIAN**
- 5. KEMENTERIAN RANCANG JADIKAN SAWAH SAGIL SEBAGAI
PRODUK PELANCONGAN**
 - **SINAR HARIAN**
- 6. BAKA LEMBU KEDAH-KELANTAN-KEMAMAN DIPERKENAL**
 - **SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

LPKNM pacu komoditi kelapa, nanas

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN

BATU PAHAT — Usaha kerajaan menggabungkan industri kelapa dan nanas menerusi pemubuhan Lembaga Perindustrian Kelapa dan Nanas Malaysia (LPKNM) tidak lama lagi mampu meningkatkan pengeluaran kedua-dua komoditi tersebut secara strategik pada masa hadapan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar (gambar kecil) berkata, pemubuhan LPKNM secara tidak langsung membantu para pekebun dalam industri kelapa dan nanas untuk meningkatkan serta menjana pendapatan yang lebih terjamin.

Menurutnya, menerusi peningkatan pengeluaran komoditi tersebut nanti, negara juga tidak akan lagi bergantung kepada import terutamanya kelapa dari negara jiran.

"Ketika ini, kita terpaksa mengimport kira-kira 150 juta biji kelapa setahun untuk menampung permintaan tempatan domestik dan industri yang

semakin meningkat.

"Justeru, satu langkah strategik perlu dilakukan dengan menggabungkan industri kelapa dan nanas supaya satu lembaga khusus dapat memberi fokus memajukan kedua-dua industri berkenaan," katanya ketika mengadakan lawatan ke ladang kelapa milik seorang penduduk, Mohd. Hamidi Kason di Sungai Ayam dekat sini baru-baru ini.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Mohd. Anim Hosnan.

Menurut Ismail, pemubuhan LPKNM merupakan pembersihan fungsi dan bidang kuasa LPNM sedia ada bagi menggabungkan kedua-dua tanaman itu yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu (SKB) negara.

Beliau memberitahu, LPKNM kini dalam peringkat penilaian untuk membuat akta kedua-dua industri itu oleh Kementerian sebelum dibawa kepada jemaah menteri pada penghujung tahun ini.

"Selepas diluluskan jemaah menteri, LPKNM dijangka

beroperasi pada tahun depan," ujarnya.

Perubahan LPKNM telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa sesi pembentangan Bajet 2018 bagi memperkasakan kedua-dua sektor tersebut.

Mengulas mengenai lawatan kerja selama tiga hari di Johor yang berakhir semalam, Ismail memberitahu, ia bertujuan melihat perkembangan industri perikanan, nanas dan kelapa serta pekebun di daerah Pontian, Batu Pahat dan Kluang.

"Saya bersama-sama kira-kira 200 kakitangan LPNM mengadakan sesi 'Town Hall' bagi memberi penerangan mengenai misi kerajaan menubuhkan LPKNM," ujarnya.

Ismail juga mengadakan pertemuan dengan komuniti nelayan di Tanjung Piai, Pontian untuk memberi bantuan kepada golongan itu yang terjejas akibat projek pemecah ombak selain memaklumkan mengenai perancangan Kementerian mengadakan aktiviti jangka panjang bagi membantu nelayan industri hilir perikanan.

"Saya juga bertemu pekebun dan pihak industri kelapa yang



ISMAIL (kanan) melihat tanaman kelapa Mohd. Hamidi (tengah) ketika melakukan lawatan kerja di Sungai Ayam, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.

mana Kementerian akan fokus membaik pulih ladang dan kebun kelapa yang terbiar selain ada permohonan pekebun untuk menebang pokok kelapa sawit mereka bagi mengusahakan kelapa," katanya.

Pada masa sama, Ismail turut mengadakan pertemuan dengan golongan pesawah di Sawah Sagil, Ayer Hitam yang memohon agar pintu air di sawah diperbaiki oleh pihak kerajaan.

"Hari ini (semalam), saya bertemu dengan komuniti nelayan darat Empangan Sembong di Kampung Manong, Kluang bagi melepaskan benih anak ikan ke Empangan Sembong supaya dapat membantu meningkatkan pendapatan mereka.

"Mereka memohon pihak kerajaan membina jeti terapung supaya mudah menambatkan bot dan menjadikan jeti itu sebagai pusat pengumpulan hasil ikan darat," ujarnya.

Tanaman kelapa mampu beri pulangan lumayan

BATU PAHAT — Tekad seorang pekebun muda yang cekal mengusahakan tanaman kelapa meskipun harga komoditi itu rendah iaitu di bawah RMI sebiji tidak sia-sia apabila tanaman tersebut kini memberikan pulangan lumayan.

Mohd. Hamidi Kason, 30, berkata, harga komoditi itu telah meningkat kepada RM1.70 sebak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan permintaan yang

tinggi di pasaran.

"Apa yang saya lihat, permintaan kelapa semakin baik setiap tahun dan harganya juga terus meningkat berbanding pisang.

"Disebabkan potensi industri kelapa, saya telah memperluaskan tanah kebun milik bapa saya kepada tanaman kelapa sehingga seluas 17 hektar membabitkan lebih 300 batang pokok," katanya.

Mohd. Hamidi yang mengusahakan tanaman kelapa jenis matag dan pandan kini mampu mengeluarkan antara 500 hingga 4,000 biji sehari.

Menurutnya, kejayaannya mengusahakan tanaman kelapa tidak akan berjaya tanpa bantuan daripada Jabatan Pertanian Johor.

"Jabatan Pertanian negeri banyak membantu ketika mula-mula saya hen-

dak tanam kelapa muda apabila saya diberi benih 200 pokok, baja, racun dan wang untuk membuat perparitan," katanya.

Mohd. Hamidi berkata, perancangan kerajaan yang mahu menggabungkan industri kelapa dan nanas dalam Lembaga Perindustrian Kelapa dan Nanas Malaysia adalah langkah bijak untuk masa depan komoditi tersebut.

Nelayan darat berpotensi tingkatkan sumber pendapatan



ISMAIL (kanan) dan Samsolbari (tiga dari kanan) melepaskan benih anak ikan baung, kerai dan seberau sambil diperhatikan Munir (berdiri, dua dari kanan) di Kampung Manong, Empangan Sembong, Kluang semalam.

KLUANG — Keperluan dan kebajikan golongan nelayan darat sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan hasil pengeluaran ikan serta pendapatan mereka.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Dr. Munir Mohd. Nawawi berkata, selain bantuan elan sara diri, pelepasan benih ikan, bantuan kelengkapan dan infrastruktur, pihaknya kini memberi latihan kemahiran berkenaan membaiki enjin bot kepada golongan itu.

Beliau memberitahu, menerusi latihan kemahiran itu, golongan nelayan dapat membaiki sendiri enjin bot apabila rosak, sekali gus meningkatkan hasil pendapatan mereka.

"Kerajaan melihat golongan

nelayan darat mempunyai potensi menambahkan pendapatan mereka berikutan permintaan ikan air tawar yang meningkat.

"Ketika ini, permintaan ikan air tawar cukup baik terutamanya ikan ketutu yang dijual RM80 sekilogram di pasar selain ikan baung, lampam dan toman," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Pelepasan Benih Ikan dan Penyerahan Bantuan 'Touch Point' kepada seramai 42 nelayan darat di Kampung Manong, Empangan Sembong di sini semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar dan Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas

Malaysia, Datuk Samsolbari Jamal. Pada majlis itu, lebih 10,000 benih anak ikan baung, kerai dan seberau dilepaskan di empangan tersebut.

Menurut Munir, pihaknya sentiasa melakukan aktiviti pelepasan benih ikan bagi memastikan sumber ikan di kawasan air tawar seperti empangan, sungai dan tasik sentiasa ada untuk nelayan darat mencari rezeki.

"Tahun lalu, Jabatan Perikanan telah melepaskan sebanyak 170,000 hingga 200,000 benih pelbagai ikan di seluruh negara dan langkah ini dapat memastikan kelangsungan hidup golongan nelayan darat untuk mencari pendapatan mereka," ujarnya.

Bukti kerajaan prihatian

42 nelayan darat di Empangan Sembrong bakal terima jeti terapung

JULIZA MOHD SAAD

KLUANG

Komuniti Perikanan Darat di Empangan Sembrong, di sini, bakal menerima kemudahan jeti terapung, sekaligus menjadi pangkalan pengumpulan hasil

tangkapan. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, pembinaan jeti tersebut akan dilaksanakan secepat mungkin selepas mendapat ketetapan daripada Jabatan Pengiranan dan Saliran (JPS).

"Jeti berkenaan dibina berdasarkan permohonan nelayan darat di Empangan Sembrong. Kita lihat bagaimana jeti berkenaan dapat membantu memperbaiki kehidupan 42 nelayan darat di Empangan Sembrong."

"Anggaran peruntukkan yang diperuntukkan tidak lebih



Ismail menyempurnakan pelepasan benih anak ikan ke dalam Tasik Empangan Sembrong.

dari RM30,000 bagi membina jeti terapung ini. Dengan kemudahan ini kehidupan nelayan darat dapat diperbaiki kerana pada masa ini keadaan di kawasan ini tidak teratur," katanya selepas majlis bersama Komuniti Perikanan serpena program pelepasan benih ikan perairan umum dan penyerahan bantuan 'Touch Point' kepada Komuniti Perikanan Darat negeri Johor di Empangan Sembrong, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia merangkap Ketua Umno Bahagian Ayer Hitam, Datuk Samsolbari Jamali.

Turut disampaikan penyerahan bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) sebanyak RM200 sebulan kepada 105 nelayan darat Empangan Sembrong dengan jumlah peruntukkan

sebanyak RM252,000.

Nelayan darat berkenaan juga menerima bantuan tambahan berupa jaring dan seramai 40 nelayan dari Batu Pahat serta Kluang menerima sijil Bantuan TouchPoint.

Lebih 22,000 benih anak ikan pelbagai jenis turut dilepaskan ke dalam Tasik Empangan Sembrong.

Sementara itu, Ketua Komuniti Perikanan Darat Empangan Sembrong, Azmi Sahadan berkata, pelbagai

info Kerajaan peruntuk RM252,000 bantu nelayan darat di Empangan Sembrong.

bantuan dan kemudahan yang diterima bukti kerajaan amat prihatin dengan nasib nelayan darat.

"Saya ucap terima kasih kepada kerajaan di atas bantuan elaun sara hidup selain pembinaan jeti terapung dan bantuan perumahan dan naik taraf serta baiki rumah di bawah Perumahan Nelayan Darat," katanya.

Nelayan darat, Khairul Zaman Mohd Saad, 31, berkata, kerjiaan banyak memberi bantuan terutama kepada golongan muda yang baru menceburi bidang tersebut.

"Saya mula berjinak-jinak dalam bidang nelayan sejak darjah dua kerana ikut ayah.

"Disebabkan sudah biasa saya jadikan kerja ini sebagai punca pendapatan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dengan pemberian bantuan ini," katanya.



Ismail (dua, kiri) menyampaikan replika cek kepada wakil Komuniti Perikanan Darat Empangan Sembrong.

Kementerian rancang jadikan Sawah Sagil sebagai produk pelancongan

BATU PAHAT - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menancang akan menjadikan kawasan sawah padi di Sawah Sagil, Ayer Hitam, di sini, sebagai salah satu kawasan pelancongan dan tumpuan pengunjung ke daerah Batu Pahat.

Ketua setiausahanya, Datuk Seri Ismail Bakar berkata, kawasan berkenaan berpotensi dibangunkan sebagai kawasan Agropelancongan

kerana ia satu-satunya sawah padi yang ada di daerah ini. "Kita bercadang untuk membaiki apa juga kekurangan di kawasan ini, terutamanya saliran dan ia akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini."

"Dalam masa sama ia akan menjadikan kawasan ini tempat menarik untuk dilawati setelah dikimraf sebagai kawasan Agropelancongan nauti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Lawatan Rasmi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke Projek Sawah Sagil, semalam.

Hadir sama, Pegawai Daerah Batu Pahat, Hafiz Ahmad; Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peleadang, Harziah Bahari dan Ketua Umno Bahagian Ayer Hitam, Datuk Samsolbari Jamali.

Justeru itu, beliau berkata, kementerian akan memperuntukkan se-

banyak RM500,000 untuk naik taraf kawasan berkenaan.

Katanya, peruntukan diberikan setelah hasil daripada sawah meningkat dari tahun ke tahun.

"Diharapkan pesawah di sini akan terus bermuafakat untuk meningkatkan hasil mereka. Kita mahukan Sawah Sagil ini bukan sahaja terkenal dengan hasil padinya malah turut terkenal kerana agropelancongan yang selesa," katanya.

Sementara itu, pesawah, Abd Hadi Isfar, 45, berkata, dia bersyukur dengan barisan diterima dan berharap ia berterusan dari semasa ke semasa.

Pesawah lain, Mohamad Athnaini Abu Seman, 35, berkata, dia berterima kasih kepada kementerian kerana datang ke sawah berkenaan, sekali gus menghulurkan bantuan dan menyokong menjadikannya sebagai kawasan agropelancongan.



Ismail bersama pesawah Kampung Parit Sagil.



Ismail (tengah) menyampaikan bantuan kepada wakil pesawah.



MOHAMAD ATHNAINI

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 16 APRIL 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN

Baka lembu Kedah-Kelantan-Kemaman diperkenal

KEMAMAN - Untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memperkenalkan baka baharu lembu dipanggil kacukan Kedah-Kelantan-Kemaman atau KKK dan melancarkan lembah pedaging Kemaman.

Baka lembu pedaging tempatan itu terhasil daripada penyelidikan terbaharu Stesen Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Kemaman hasil penambahbaikan dari baka Kedah-Kelantan atau KK.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kajian yang telah dimulakan dari 2006 berjaya melahirkan baka lembu baharu itu yang ditingkatkan beratnya dan lebih cepat pembersarannya.

"Kita panggil baka lembu ini kacukan Kedah-Kelantan-Kemaman kerana ia dihasilkan Mardi Kemaman melalui kacukan tiga generasi lembu baka KK yang dapat hasilkan lembu yang saiz lebih besar, lebih cepat pembersarannya, tahan terhadap cuaca persekitaran (panas dan lembab) dan serangan penyakit.

"Ini diharapkan dapat mempercepatkan hasrat kita untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dan pada masa sama menjadikan Kemaman sebagai lembah pedaging kerana satu-satunya Mardi di negara ini yang menjalankan penyelidikan dalam bidang ini adalah Mardi Kemaman," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan baka lembu KKK dan lembah pedaging Kemaman di Kampung Pasir Gajah, di sini, kelmarin.

Ahmad Shabery berkata, baka KKK boleh mencapai



Ahmad Shabery dan Pengerusi Ladang Rakyat Terengganu, Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar melihat baka lembu KKK yang saiznya lebih besar daripada baka KK.

berat maksimum antara 430 hingga 460 kilogram (kg) bagi jantan dan 220 hingga 250 kg bagi betina pada umur tiga hingga empat tahun.

"Dengan berat kira-kira 400 kg seekor harga posarannya boleh capai lebih kurang RM7,000 jadi kalau penternak ada 100 ekor dia dah ada aset sebanyak RM700,000 dan kalau ada 200 ekor dia dah jadi jutawan dari segi aset lembu yang dimiliki.

"Kalau ada 600 ekor maknanya dari segi aset dia dah ada antara RM6 juta hingga RM7 juta, jadi kita dapat hasilkan ramai jutawan-jutawan baharu menerusi lembu pedaging

ini," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, Kemaman dipilih sebagai lembah pedaging juga kerana daerah ini mempunyai penternak yang besar dengan populasi lembu KK terbanyak di Malaysia iaitu sebanyak 18,000 ekor.

"Jadi sangat tepat kawasan ini dibangunkan sebagai sumber ternakan pedaging yang ulung di Malaysia. Di sini, bukan sekadar tempat menternak lembu malah dilengkapi ekosistem rantaian ternakan itu sendiri iaitu makanannya turut ditanam di kawasan ini," katanya.

Katanya, ia akan membuka peluang kepada tanaman rumput Napier oleh penduduk untuk dibekalkan kepada penternak.

"Tidak semestinya pemilik ladang ternakan sendiri yang mengusahakan penanaman rumput Napier sebaliknya sesiapa sahaja boleh menanam dan menjual bagi menambah pendapatan," katanya.

Katanya, projek lembah pedaging Kemaman yang bernilai RM1.3 juta akan menjadi modul sebelum ia diperluaskan ke seluruh negara.

Program Lembah Pedaging Kemaman mempunyai tiga strategi utama iaitu Koperasi Kampung Pasir Gajah dengan ahlinya seramai 200 orang akan menerima bantuan 100 ekor iriduk yang akan dipelihara di Ladang Rakyat Terengganu.

Di samping itu, koperasi diberi geran menanam 20 ekar rumput Napier serta mesin perincih dan seramai 50 pengusah tempatan akan dibantu dengan geran untuk menanam 74 ekar rumput Napier.